

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM

### MESYUARAT

### LEMBAGA TATAKELOLA DEWAN KENEGARAAN BIL.1/2026

#### SOROTAN MAC 2026



#### 10 Mac 2026

Mesyuarat Lembaga Tatakelola Dewan Kenegaraan Bil. 1/2026 telah diadakan pada 10 Mac 2026 dengan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga, jemputan khas serta Pengurusan Tertinggi AKM.

Lembaga Tatakelola Dewan Kenegaraan ini berperanan menetapkan hala tuju strategik kenegaraan, menyelaraskan inisiatif kenegaraan serta memperkukuh perpaduan nasional.

Mesyuarat ini telah membincangkan pencapaian Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) pada tahun 2025 dalam melaksanakan latihan kenegaraan kepada masyarakat, status pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta pelaksanaan Program Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam.

Dalam mesyuarat ini juga, YAB Perdana Menteri menekankan kerjasama pelbagai agensi termasuk sektor swasta bagi memperluaskan penyampaian mesej kenegaraan dan dasar negara kepada seluruh lapisan masyarakat.





PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA BULETIN AKM

## BENGGKEL PENETAPAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) AKM 2026

**2-4 Mac 2026**

Bengkel Penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU) AKM 2026 telah diadakan di Sepang, Selangor dengan penyertaan pegawai dari Bahagian, Negeri/Pusat Latihan Kenegaraan dan Institut Kenegaraan Perdana.

Bengkel ini bertujuan memuktamadkan SKU, AKM tahun 2026 menyediakan *Outcome Based Budgeting* (OBB) 2027 serta menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) AKM secara lebih terancang dan berfokus.



## MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM-PROGRAM FELO KENEGARAAN AKM

**5 Mac 2026**

Mesyuarat Penyelarasan bersama Felo Kenegaraan AKM telah diadakan bagi memperkukuh pembangunan kurikulum dan latihan kenegaraan melalui penglibatan kumpulan pemikir pelbagai bidang. Majlis turut disusuli dengan Penyerahan Surat Pelantikan Felo Kenegaraan AKM bagi sesi 2025-2027 oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah & Sarawak).





PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM

### AKM KOMITED MEMPERKUKUH JARINGAN KERJASAMA MELALUI KUNJUNG HORMAT

#### 6 Mac 2026

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah AKM ke Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah diadakan bagi membincangkan peluang kerjasama strategik antara AKM dan ANGKASA, khususnya dalam bidang latihan, pembangunan kepimpinan dan tadbir urus koperasi. Adalah diharapkan pertemuan ini dapat memperkukuh sinergi antara kedua-dua pihak serta memperluaskan penerapan elemen kenegaraan dalam sektor koperasi.



Kunjung Hormat AKM ke Angkatan Koperasi  
Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

#### 9 Mac 2026

AKM telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) bagi membincangkan potensi kerjasama strategik dalam memperluaskan penyampaian maklumat serta pelaksanaan program yang memberi manfaat kepada masyarakat. Pertemuan ini turut menjadi platform perkongsian pandangan bagi memperkukuh semangat perpaduan, patriotisme dan penglibatan komuniti melalui pelbagai inisiatif kenegaraan.



Kunjung Hormat J-KOM di AKM

#### 17 Mac 2026

AKM telah menerima kunjungan hormat daripada Kumpulan UUM Holdings Sdn. Bhd. bagi membincangkan kerjasama strategik serta cadangan penggunaan kemudahan pusat latihan UUM sebagai alternatif bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan kenegaraan AKM. Inisiatif ini juga bertepatan dengan penggunaan kem swasta bagi menampung program latihan AKM berikutan kejadian banjir yang telah menjejaskan kemudahan di Pusat Latihan Kenegaraan Kaki Bukit, Perlis.



Kunjung Hormat Kumpulan UUM Holding  
SDN BHD di AKM



PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA BULETIN AKM

## PERBINCANGAN MEJA BULAT : GURU BANGSA : MAAROF ZAKARIA

5 Mac 2026

Satu perbincangan meja bulat telah diadakan bagi membincangkan sumbangan dan peranan Maarof Zakaria dalam mempelopori industri perbankan Bumiputera.

Perbincangan ini dipengerusikan oleh Pengarah Institut Kenegaraan Perdana (IKP), Puan Rozlin binti Mohamed. Pembentangan telah dibuat oleh YBrs. Dr. Mohamed Hadi bin Abdul Hamid, Penasihat Syariah Bertauliah dan Ketua Jabatan Undang-undang, Menteri Besar Selangor Incorporated. Manakala moderator program adalah Encik Mohamed Hanapi bin Jamaludin dari Benevolent Malaysia. Turut hadir sama dalam wacana ini adalah YBrs. Datin Prof. Dr. Suhaiza Hanim (Universiti Malaya), YBrs. Dr. Nazirah Lee (Universiti Pendidikan Sultan Idris), Encik Muhammad Afiq bin Mazlan (Arkib Negara Malaysia), Yang Mulia Tengku Ahmad Ridhuan (Pengkaji DNA Melayu & Tamadun) serta para pegawai AKM.

Sidang meja bulat ini telah membuka ruang perkongsian intelektual, menghargai legasi tokoh ekonomi dan menekankan kepentingan pemikiran strategik dalam pembinaan negara bangsa.



## BENGGEL PENYELARASAN STRATEGIK

2-3 Mac 2026

Bahagian Kepimpinan Strategik, Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Strategik di Grand Swis-Bel Hotel, Melaka.

Sinergi padu pelbagai agensi dalam memacu visi Malaysia MADANI melalui penyelarasan data dan naratif kenegaraan yang tuntas bukan sahaja mampu menghapuskan budaya kerja secara "silo", malah menjadi benteng ampuh dalam memperkukuh jati diri, integriti, serta kesetiaan mutlak rakyat demi kedaulatan tanah air tercinta



## PROGRAM UKHUWAH MADANI: PRSATUAN PEKERJA PROFESIONAL FILEM MALAYSIA (PROFIMA)

3 Mac 2026

Program AKM yang diadakan di FINAS bertujuan memupuk kefahaman dan penghayatan konsep Malaysia MADANI melalui pengisian berteraskan semangat kebersamaan, kesyukuran dan perpaduan sempena Ramadan. Program ini turut diisi dengan sesi Interaktif Kenegaraan, tazkirah Ramadan dan persembahan pentas.





PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA PEJABAT PERDANA MENTERI



[www.akm.gov.my](http://www.akm.gov.my)

Akademi Kenegaraan Malaysia

## SEKSYEN PENERBITAN

PUSAT KECEMERLANGAN KENEGARAAN DAN PATRIOTISME  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI